

UniSZA sasar 2,000 pelajar pasca siswazah

GONG BADAQ – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bakal menambah bilangan pelajar pasca siswazah kepada 2,000 orang pada tahun depan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif berkata, ketika ini bilangan pelajar pasca siswazah menunjukkan perkembangan yang sangat positif.

Pada tahun 2013, bilangan pelajar pasca siswazah adalah seramai 213, tahun 2014 meningkat kepada 628, seterusnya pada 2015, seramai 975 dan sehingga Oktober tahun ini keseluruhan jumlah adalah se-



Pengurusan tertinggi UniSZA dan pelajar pasca siswazah antarabangsa bergambar kenangan.

ramai 1,300.

"Bilangan pelajar pasca siswazah antarabangsa juga menunjukkan peningkatan ketara iaitu pada tahun 2013

seramai 18, tahun seterusnya bertambah kepada 136, tahun 2015 adalah seramai 154 dan sehingga Oktober tahun ini jumlahnya telah mencapai

203 orang.

"Kebanyakan pelajar antarabangsa terdiri dari negara Indonesia, Nigeria, Yaman, Pakistan, Jordan, Thailand,

Libya, China, Bangladesh dan Mesir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penutup Persidangan

Penyelidikan Pasca Siswazah Antarabangsa 2016 di Dewan Perdana UniSZA, Kampus Gong Badak, di sini.

Persidangan kali pertama anjuran Pusat Pengajian Siswazah (PPS) UniSZA itu dihadiri lebih 250 peserta dari pelbagai universiti di Malaysia dan luar negara.

Tujuan utama penganjuran persidangan berkenaan adalah untuk menggalakkan percambahan ilmu dan membina jaringan penyelidikan serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi, menulis artikel, berhujah secara saintifik, analitis dan kritis.